



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 4, Blok E10, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya  
Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**“EMPAT KEMATIAN DENGGI DALAM SEMINGGU”  
Bagi Minggu 37/2013 (08 hingga 14 September 2013)**

Bagi tempoh seminggu iaitu dari 8 hingga 14 September, sejumlah Empat (4) kematian akibat denggi telah dilaporkan. Ini adalah bilangan kematian yang tertinggi dilaporkan dalam seminggu pada tahun ini dan menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 43 kematian, meningkat sebanyak 59% atau 16 kematian berbanding dengan hanya 27 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kes melibatkan tiga (3) orang wanita iaitu dua orang berusia 61 dan seorang berusia 41 tahun manakala seorang lagi lelaki berusia 33 tahun. Kesemua pesakit ini mengalami tanda-tanda penyakit demam denggi iaitu demam, muntah, sakit badan, sakit tekak dan sakit otot dan mengalami komplikasi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Dua daripada 4 kes ini tinggal di kawasan lokaliti wabak dan hasil Pemeriksaan Pembiakan Aedes yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, mendapati kadar pembiakan Aedes adalah sangat tinggi iaitu di antara 6.1% hingga 27%. Walaupun dua lagi kes kematian berlaku di kawasan yang bukan lokaliti wabak, kadar pembiakan Aedes juga adalah sangat tinggi iaitu di antara 2% hingga 22%. Sehubungan itu, aktiviti kawalan telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan

Daerah dan masyarakat setempat juga membantu dengan mengadakan gotong-royong bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes di sekitar kawasan tersebut.

Pada minggu lepas, sejumlah 843 kes denggi telah dilaporkan di seluruh negara dengan sembilan (9) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor meningkat 33 kes atau 8%, Perak 20 kes (61%), Melaka 20 kes (51%), Negeri Sembilan 12 kes (110%), Pulau Pinang 10 kes (36%), Pahang 9 kes (45%), Kelantan 6 kes (21%), Perlis 3 kes (60%) dan Sabah 1 kes (9%). Jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 20,507 kes iaitu peningkatan sebanyak 31% (4,901 kes) berbanding 15,606 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012.

Pada masa yang sama, sejumlah 215 lokaliti wabak denggi telah dilaporkan dengan 70% daripadanya adalah di negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut terdapat 15 lokaliti *hotspot* dilaporkan iaitu 14 daripadanya berlaku di daerah Petaling (rujuk lampiran B). Dua (2) lokaliti *hotspots* di daerah Petaling telah mengalami wabak selama 3 bulan iaitu masing-masing di PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D) dan PJS 8 Mentari Court 1 (Blok E,F & G) dengan jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 123 kes. Kadar pembiakan Aedes yang ditemui juga masih tinggi iaitu masing-masing 28.6% dan 38.2%. Ini menunjukkan tahap kebersihan di kawasan kawasan ini adalah sangat tidak memuaskan kerana terdapat pembuangan sampah sarap merata rata di sekeliling pangsapuri ini. Pihak pengurusan dan penyelenggaraan bangunan diseru membersihkan serta mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan masing-masing. Bekas-bekas yang boleh menakung air akan menjadi tempat pembiakan Aedes dan nyamuk betina akan bertelur di dalam bekas ini. Dalam tempoh

2 hingga 4 hari telur nyamuk Aedes menjadi jentik jentik (larva) seterusnya menjadi nyamuk dewasa dalam tempoh 5 hingga 7 hari. Oleh itu, aktiviti menghapuskan tempat pembiakan oleh masyarakat mesti dibuat seminggu sekali agar tiada kewujudan nyamuk dewasa yang akan menyebarkan virus denggi dan jangkitan denggi. **“Perlu ditegaskan, semburan racun serangga sahaja tidak berkesan mengawal wabak denggi jika tempat pembiakan Aedes tidak dihapuskan.”**

Dalam menghadapi situasi kes dan kematian denggi yang semakin meningkat Ketua masyarakat dan Jawatan Kuasa Penduduk perlu mengambil peranan mengadakan aktiviti gotong-royong dan kebersihan di kawasan masing masing.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**17 September 2013**

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 37/2013**  
**(8 hingga 14 September 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 37/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 37/2012
		Minggu 37 (8 – 14 Sept 2013)	Minggu 36 (1 – 7 Sept 2013)		
1	Perlis	8	5	168 (1)	134
2	Kedah	11	11	598 (1)	620 (3)
3	P. Pinang	38	28	569 (2)	574 (1)
4	Perak	53	33 (1)	1,285 (1)	1,175 (5)
5	Selangor	424 (1)	391	9,509 (11)	6,775 (11)
6	WPKL & Putrajaya	31	38	1,511 (6)	1,372 (3)
7	N. Sembilan	23	11	451	365 (1)
8	Melaka	59 (1)	39	509 (4)	360
9	Johor	89	92	2,765 (11)	1,178 (1)
10	Pahang	29 (1)	20	431	468 (1)
11	Terengganu	16	16	296	579
12	Kelantan	35 (1)	29	967 (2)	861
13	Sarawak	15	16	977 (3)	764
14	Sabah	12	11	462 (1)	373 (1)
15	WP Labuan	0	1	9	8
	Jumlah	843 (4)	741 (1)	20,507 (43)	15,606 (27)

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN  
PADA MINGGU 37 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	87	89	28.6%
2	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	36	89	38.2%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	42	68	0.7%
4	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	17	67	1.6%
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	27	61	0.4%
6	Selangor	Petaling	Taman Bukit Kinrara 1 ( Pangsapuri Melor)	10	58	4.8%
7	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	25	47	0.2%
8	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29 - 7/30, Unisel & Jln A7/A - F7/F)	13	42	6.9%
9	Selangor	Petaling	Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	9	42	1.1%
10	Selangor	Petaling	Seksyen U4 Pangsapuri Damai	11	41	3.3%
11	Selangor	Petaling	Seksyen 20 Taman Paramount	6	40	3%
12	Selangor	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Sri Purnama )	17	38	2.1%
13	Selangor	Petaling	Apartment Taman Damai Mewah	13	34	11.8%
14	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat D (Blok 52 – 58)	7	34	0.5%
15	Selangor	Petaling	Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4, 5, 6)	8	30	0%